

KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

KENYATAAN TENDER (Terbuka)

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor Malaysia/kontraktor usaha sama yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Tajuk Projek	No Tender	Taraf/Jenis Syarikat	Syarat-syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Masa Taklimat dan Lawatan Tapak
Pembinaan Loji Air Beaufort Fasa II Dan Pemasangan Paip Dasar Laut Dari Loji ke Labuan Kontrak 2A: Pemasangan Paip Dasar Laut Dan Kerja-Kerja Berkaitan	KeTTHA(T)5/2010	Terbuka*	PKK Kelas A, Kepala IV dan Sub-Kepala 6a Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G7	RM250.00 (tidak akan dikembalikan)	11 Mac 2010 (Khamis) 10.00 pagi Tempat: Berkumpul di Pejabat Jabatan Bekalan Air Labuan Tingkat 2 Lot 5-10, Wisma Wong Wo Lo, Jalan Tun Mustapha, W/P Labuan.

2. Petender perlu mematuhi syarat-syarat yang terdapat dalam Arahan Kepada Petender. Kegagalan pihak petender untuk mematuhi syarat-syarat tersebut akan menyebabkan dokumen tender tidak akan dipertimbangkan.
3. Petender adalah **diwajibkan** menyertai taklimat dan lawatan ke tapak bina yang akan diadakan pada **11hb Mac 2010**. Petender dikehendaki untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat yang akan diadakan di Pejabat Jabatan Bekalan Air Labuan, Tingkat 2 Lot 5-10, Wisma Wong Wo Lo, Jalan Tun Mustapha, Wilayah Persekutuan Labuan. Petender-petender yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak **tidak layak** untuk membeli Dokumen Tender.
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak di Aras 3, Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air, Blok E4/5, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya pada waktu pejabat bermula **12hb Mac 2010**.
5. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **Perakuan Pendaftaran Asal** atau **Kad Perakuan Permohonan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Asal** dan **Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor Asal**. Dokumen Tender boleh dibeli bermula **12hb Mac 2010** hingga **17hb Mac 2010**, pada waktu pejabat di alamat:

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN,
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR,
ARAS 3, BLOK E4/5, PARCEL E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62668 PUTRAJAYA

Bayaran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang** atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air**.

6. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan **tajuk dan no tender** pada **sebelah atas kiri sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender **sebelum** atau **pada pukul 12.00 tengahari 7hb April 2010**, di alamat:

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN,
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR,
ARAS 3, BLOK E4/5, PARCEL E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62668 PUTRAJAYA

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

* Tawaran dibuka kepada:

- i. syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara; atau
- ii. syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia; atau
- iii. syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira sama ada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi empat puluh sembilan peratus (49%) dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.